

KABINET MALAYSIA 2013	
PERDANA MENTERI Datuk Seri Najib Tun Razak	
TIMBALAN PERDANA MENTERI Tan Sri Muhyiddin Yassin	
JABATAN PERDANA MENTERI	
MENTERI Datuk Seri Jamil Khir Baharom Datuk Seri Abdul Wahid Omar (Senator) Datuk Seri Idris Jala (Senator) Tan Sri Joseph Kurup Datuk Seri Shahidan Kassim Nancy Shukri Joseph Entulu Anak Belau Datuk Paul Low Seng Kwan (Senator)	
TIMBALAN MENTERI 1. Datuk Razali Ibrahim 2. P. Waythamoorthy (Senator)	
KEMENTERIAN KEWANGAN	
MENTERI 1: Datuk Seri Najib Tun Razak MENTERI 2: Datuk Seri Ahmad Huseini Mohamad Hanadzlah TIMBALAN MENTERI: Datuk Ahmad Maslan	
KEMENTERIAN PELAJARAN DAN PENGAJIAN TINGGI	
MENTERI 1: Tan Sri Muhyiddin Yassin MENTERI 2: Datuk Seri Idris Jusoh TIMBALAN MENTERI 1. Datuk Mary Yap Kain Ching 2. P. Kamalanthan	
KEMENTERIAN PERTAHANAN	
MENTERI: Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein TIMBALAN MENTERI: Datuk Abdul Rahim Bakri	
KEMENTERIAN PENGangkutan	
MENTERI: Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (memangku) TIMBALAN MENTERI: Datuk Ab. Aziz Kaprawi	
KEMENTERIAN DALAM NEGERI	
MENTERI: Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi TIMBALAN MENTERI: Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar	
KEMENTERIAN KERJA RAYA	
MENTERI: Datuk Fadillah Yusof TIMBALAN MENTERI: Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin	
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI	
MENTERI: Datuk Seri Mustapa Mohamed TIMBALAN MENTERI: Hamim Samuri	
KEMENTERIAN LUAR NEGERI	
MENTERI: Datuk Seri Anifah Aman TIMBALAN MENTERI: Datuk Hamzah Zainuddin	
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOOPERASI DAN KEPENGUSAHAAN	
MENTERI: Datuk Hasam Malek TIMBALAN MENTERI: Datuk Ahmad Bashah Md. Hanipah (Senator)	
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA	
MENTERI: Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek TIMBALAN MENTERI: Datuk Jalani Johari	
KEMENTERIAN SUMBER SUKSES	
MENTERI: Datuk Richard Riot Anak Jaem TIMBALAN MENTERI: Datuk Ismail Abd. Muttalib	
KEMENTERIAN KEAJAUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH	
MENTERI: Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal TIMBALAN MENTERI: Datuk Alexander Nanta Linggi	
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJIAN TEMPATAN	
MENTERI: Datuk Abdul Rahman Dahlan TIMBALAN MENTERI: Datuk Halimah Mohd. Sadique	
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKSES	
MENTERI: Khairy Jamaluddin Abu Bakar TIMBALAN MENTERI: Datuk M. Saravanan	
KEMENTERIAN KESIHATAN	
MENTERI: Datuk Seri Dr. S. Subramaniam TIMBALAN MENTERI: Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya	
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN	
MENTERI: Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor TIMBALAN MENTERI: Datuk Dr. J. Loga Bala Mohan (Senator)	
KEMENTERIAN PERUSAHAAN, PERLADANGAN DAN KOMODITI	
MENTERI: Datuk Seri Douglas Uggah Embas TIMBALAN MENTERI: Datuk Noriah Kasnon	
KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HILJAU DAN AIR	
MENTERI: Datuk Dr. Maximus Johny Ongkili TIMBALAN MENTERI: Datuk Seri Matzdr Khalid	
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI	
MENTERI: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob TIMBALAN MENTERI: Datuk Tajuddin Abdul Rahman	
KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN	
MENTERI: Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz TIMBALAN MENTERI: Datuk Joseph Salang Anak Gandum	
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	
MENTERI: Datuk Dr. Ewon Ebin TIMBALAN MENTERI: Datuk Dr. Abu Bakar Mohd. Diah	
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR	
MENTERI: Datuk Seri G. Palaniivel TIMBALAN MENTERI: Datuk Dr. James Dawos Mamit	
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT	
MENTERI: Datuk Rohani Abdul Karim TIMBALAN MENTERI: Datuk Azizah Mohd. Dun	

KABINET BARU 2013

BH 16/5/2013

Perdana Menteri hormati keputusan MCA

KUALA LUMPUR 15 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menghormati permintaan MCA untuk tidak menerima jawatan dalam Kabinet kali ini selepas tiada seorang pun wakil daripada parti itu dilantik sebagai menteri atau timbalan menteri.

Pengumuman senarai anggota Kabinet itu diumumkan Najib dalam satu sidang khas di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya hari ini.

Sebelum pembubaran Parlimen 3 April lalu, MCA mempunyai empat menteri penuh dalam Kabinet iaitu Datuk Seri Dr. Low Theng Lai (Menteri Kesihatan); Datuk Seri Kong Cho Ha (Menteri Pengangkutan); Datuk Seri Chor Chee Heung (Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan) dan Datuk Seri Dr. Ng Yen Yen (Menteri Pelancongan).

Tujuh jawatan timbalan menteri yang dipegang MCA iaitu Datuk Seri

Donald Lim Siang Chai (Kementerian Kewangan); Datuk Chua Tee Yong (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani) dan Datuk Lee Chee Leong (Kementerian Dalam Negeri).

Begitu juga dengan Datuk Dr. Wee Ka Siong (Kementerian Pelajaran); Gan Ping Siew (Kementerian Belia dan Sukan); Datuk Heng Sei Kie (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) dan Datuk Dr. Hou Koo Chung (Kementerian Pengajian Tinggi).

Pada 29 April 2011, MCA dalam satu Majlis Mesyuarat Presiden di Melaka membuat keputusan sebalah suara tidak akan menerima sebarang jawatan di peringkat Pusat dan negeri jika parti itu gagal meraih sokongan masyarakat Cina dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek berkata, adalah tidak wajar calon MCA memegang sebarang ja-

watan di peringkat Pusat dan negeri jika masih gagal mencapai keputusan terbaik dalam PRU-13.

Keputusan PRU Ke-13 lalu, menyaksikan MCA hanya menang di lima kerusi Parlimen iaitu Tanjung Malim, Labis, Ayer Hitam, Bentong dan Tanjung Piai berbanding 15 kerusi pada 2008.

Sabtu lalu, Soi Lek mengulangi pendirian MCA iaitu untuk tidak menerima sebarang jawatan Kabinet ekoran prestasi buruk dalam PRU-13 seperti ditetapkan dalam resolusi parti yang dicapai pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) MCA 2011 dan 2012.

Dalam perkembangan lain, Soi Lek ketika dihubungi memaklumkan MCA akan mengemukakan memorandum kepada Lembaga Disiplin parti itu dalam waktu terdekat.

Bagaimanapun, jelas beliau, kepu-

utusan yang dibuat Siew Kiong adalah kerana menghormati titah dan perkenan Sultan Johor yang mempunyai kuasa untuk berbuat demikian.

"Keputusan Siew Kiong itu adalah titah dan perkenan Sultan Johor. Sebagai wakil rakyat dan penduduk negeri itu, Siew Kiong wajib menurut titah perkenan tuanku.

"Saya tidak pernah melarang tetapi apa yang saya katakan tentang tidak mahu wakil rakyat memegang jawatan dalam kerajaan Pusat atau negeri adalah berdasarkan kepada persetujuan yang dibuat selepas AGM parti pada 2011 lalu," katanya.

Semalam, Siew Kiong mengangkat sumpah sebagai Exco Negeri Johor dengan memegang portfolio Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Keperluan Bersama Iapan barisan Exco lain serta Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Libatkan pemimpin berpengalaman, teknokrat dan muda Kabinet gabungan

Oleh NORAINI RAZAK, NORLIZA ABDUL RAHMAN dan THOMAS CHONG pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 15 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan barisan Jemaah Menteri yang diumumkan hari ini sebagai Kabinet berimbang menggabungkan pemimpin berpengalaman, teknokrat dan orang muda.

Perdana Menteri berkata, Kabinet baharu tersebut mampu meneruskan dan menyalakan agenda transformasi nasional selain meningkatkan kepercayaan dan keyakinan rakyat.

"Selain memberi tumpuan kepada kebolehan dan kepakaran masing-masing, isu-isu seperti integriti dan rasuah akan diberi tumpuan oleh Kabinet yang baharu," katanya dalam sidang akhbar khas pengumuman Kabinet baharu di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr. Ali Hamsa.

Sidang akhbar itu dihadiri lebih 100 pemberita dan jurukamera daripada media tempatan dan antarabangsa.

Najib percaya, anggota Jemaah Menteri yang berpengalaman sama ada sebagai menteri atau timbalan menteri sebelum ini akan menyumbang kesinambungan kepada pembangunan negara.

Beliau berkata, kumpulan teknokrat yang dilantik pula akan menyumbangkan kepakaran khusus terutamanya mencetus idea-idea yang kreatif bagi bernas untuk pertumbuhan kerajaa-



Najib Tun Razak menunjukkan fail yang mengandungi senarai Kabinet sambil diperhatikan Muhyiddin Yassin ketika mengumumkan Kabinet 2013 di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/MOHD. NAJIB MOHD. NOR

membawa cita rasa orang muda kepada pertumbuhan kerajaa-nya.

Antara pemimpin berpengalaman yang dinamakan semula dalam barisan Kabinet baharu ialah Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (Menteri Perumahan) dan Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi (Menteri Dalam Negeri).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Maysabah, Datuk Seri Abdul Wahid Omar (Menteri di Jabatan Perdana Menteri) dan tokoh pendidik, Datuk Mary Yap (Timbalan Menteri Pelajaran) dilantik sebagai golongan teknokrat yang mampu menyumbang kepakaran dalam bidang masing-masing.

Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin (Menteri Belia dan Sukan) dan Datuk Abdul Rahman Dahlan (Menteri Keselamatan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) pula merupakan antara orang muda yang menganggotai Kabinet.

6 wakil India dalam Kabinet

PUTRAJAYA 15 Mei - Enam wakil India dilantik dalam barisan Kabinet yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak iaitu dua menteri penuh dan empat timbalan menteri.

Percaturan yang dilakukan oleh Perdana Menteri disifatkan agak berani apabila dua wakil yang bukan dari parti MIC dilantik untuk memperkatakan suara dan meningkatkan taraf hidup masyarakat India.

Pengurus Barisan Hindutak Hak Pengantun Hindu (Hindraf) P. Waythamoorthy diletakkan sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri manakala Pengerusi Parti Progressif Penduduk (PPP) Pulau Pinang, Datuk Loga Bala Mohan, yang akan dilantik sebagai Senator, dipilih sebagai Tim-

balan Menteri Kesihatan.

Presiden MIC, Datuk Seri G. Palaniivel akan mengemudi barisan parti itu dalam Kabinet apabila dilantik sebagai Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar manakala timbalannya, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam dilantik sebagai Menteri Kesihatan.

Najib Presiden MIC, Datuk M. Saravanan dilantik sebagai Timbalan Menteri Belia dan Sukan, dan Pengerusi Nasional bagi pergerakan Putera, P. Kamalanathan pula dilantik sebagai Timbalan Menteri Pelajaran dan Enam Dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) telah bukannya calon MIC menang kerusi Parlimen yang diperuntukkan kepada parti itu.

Mereka ialah Palaniivel (Cameron Highlands), Dr. Subramaniam (Segamat), Naib Presiden, Datuk M. Saravanan (Tampar) dan P. Kamalanathan (Tulu Selangor).

Pada 2008, seorang menteri dan dua timbalan menteri dilantik untuk menyertai barisan Kabinet. Tiga tahun kemudian, Perdana Menteri melantik Palaniivel sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menerajui pembangunan kaum India.

Pada 18 April lalu, Hindraf dan BN menandatangani memorandum persefahaman (MoU) mengandungi enam perkara utama untuk meningkatkan taraf hidup golongan miskin berketurunan India ke dalam arus pembangunan negara.

PM ucap tahniah kepada Khalid, Bakri, Zinin

KUALA LUMPUR 15 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Khalid Abu Bakar kerana dilantik sebagai Ketua Polis Negara yang baharu.

Pada masa sama, beliau mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Mohd. Bakri Zinin kerana diangkat sebagai Timbalan Ketua Polis Negara menerusi tweet terbaharunya.

"Semoga Polis Diraja Malaysia (PDRM) terus cemerlang dalam menjaga keamanan," kata Perdana Menteri sebagaimana dipetik dari laman Twitternya di sini hari ini.

Khalid, 56, menggantikan Tan Sri Ismail Omar yang akan tamat tempoh kontraknya esok manakala Mohd. Bakri, 59, pula mengisi kekosongan yang ditinggalkan Khalid.



Satu jawatan menteri diperuntukkan kepada MCA

PUTRAJAYA 15 Mei - Jawatan Menteri Pengangkutan yang dipangku Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein akan diisi oleh wakil dari MCA sekiranya parti itu mengubah resolusi untuk tidak menyertai Kabinet melalui Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM).

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, walaupun tanpa wakil dari MCA, konsep Barisan Nasional (BN) akan tetap dipegang di mana pertimbangan yang dibuat akan mengambil kira semua kaum.

"Ibu keputusan MCA yang akan ditentukan kemudian. Saya telah peruntukkan satu Kementerian yang dipangku untuk membolehkan kementerian itu dipimpin oleh MCA (kelak) jika resolusi akan mereka diubah melalui EGM," katanya menjawab pertanyaan pemberita mengenai wakil MCA dalam Kabinet.

MCA sebelum ini membuat keputusan untuk tidak menyertai Kabinet sekiranya prestasi mereka dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) lebih buruk berbanding Pilihan Raya 2008.

Jika MCA berniat menganggotai Jemaah Menteri, parti komponen kedua terbesar dalam BN itu perlu mengadakan mesyuarat untuk mengubah resolusi yang ditetapkan sebelum ini.

Walaupun wakil MCA tidak diumumkan dalam Kabinet baharu, Najib

bagaimanapun mengumumkan Presiden Transparency International Malaysia, Datuk Paul Low Seng Kuan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Tokoh pendidik, Datuk Mary Yap yang mewakili Parti Bersatu Sabah (PBS) dan menang di kerusi Parlimen Tawau pula dilantik sebagai Timbalan Menteri Pelajaran.

Dalam pada itu, Najib berkata, jumlah menteri dalam Kabinet baharu adalah lebih kurang sama dengan saiz Kabinet sebelum ini kerana ia mencerminkan keluarga BN yang besar.

"Jumlah timbalan menteri bagaimanapun telah dikurangkan kepada 11 orang," katanya.